KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	27/10/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	PERHILITAN			

Takut ke kebun lepas bertemu pak belang

HM 27 Okt 2021_23

Dungun: Penduduk Kampung Tebing Tembah, Paka di sini takut untuk ke kebun kerana bimbangkan keselamatan diri selepas mendakwa sering mendengar ngauman harimau.

Penduduk, Faiz Ikhbal Entjet, 27, berkata, dia dan isteri tidak lagi berani ke kebun sayur diusahakannya selepas mendengar ngauman harimau minggu lalu.

Katanya, sebelum ini dia pernah terserempak beruang dan kali ini berdepan pula ancaman harimau.

"Selepas itu, saya dan isteri tidak berani masuk ke kebun dan saya ke kebun menuai hasil sekali sahaja itupun ditemani beberapa rakan lain, " katanya.

Menurutnya, kehadiran harimau itu sangat mengganggu rutin kerja harian kira-kira 80 penduduk di situ termasuk pekebun sayur serta penternak lembu dan kambing.

"Kini kami semua perlu berwaspada sepanjang masa ke kebun dan kandang ternakan dan berharap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) segera membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.



PENDUDUK Kampung Tebing Tembah, Paka dakwa sering mendengar ngauman harimau. - Gambar NSTP/ROSLI ILHAM

Rakannya, Darani Salleh, 58, berkata, kawannya terserempak dengan harimau itu melintas di kawasan belukar dekat dengan kebun sayur penduduk, dua hari lalu ketika pulang dari kebun.

"Harimau itu setinggi satu meter. Sejak itu, semua pekebun dan penternak tidak berani dan mengambil keputusan masuk kawasan itu secara beramai-ramai.

"Kami sudah memaklumkan perkara itu kepada pihak Perhilitan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Terengganu, Loo Kean Seong berkata, pihaknya sudah menjalankan siasatan selepas mendapat aduan penduduk.

Katanya, pihaknya menemui beberapa kesan tapak kaki harimau dan ia dipercayai datang dari kawasan Hutan Simpan Bukit Bauk kira-kira 500 meter dari kebun penduduk.

"Setakat ini, harimau itu tidak melakukan sebarang ancaman kepada penduduk serta ternakan penduduk.

"Namun, anggota kami akan sentiasa melakukan pemantauan di sekitar kawasan terbabit demi keselamatan penduduk," katanya.